



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA

MINGGU EPIDEMIOLOGI 44

(27 OKTOBER 2024 – 2 NOVEMBER 2024)

Pada Minggu Epidemiologi ke-44 tahun 2024, sebanyak 1,346 kes demam denggi dan satu (1) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan, berbanding 1,521 kes dan dua (2) kematian pada minggu sebelumnya. Secara kumulatif, jumlah kes demam denggi sehingga kini adalah sebanyak 111,250 kes dengan 102 kematian, berbanding 100,936 kes dan 78 kematian untuk tempoh yang sama tahun 2023.

Terdapat 27 lokaliti aktif hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-44 berbanding 38 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Daripada 27 lokaliti yang dilaporkan, 14 lokaliti di Selangor, empat (4) lokaliti di Negeri Sembilan, empat (4) lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, dua (2) lokaliti di Perak, satu (1) lokaliti di Sabah, satu (1) lokaliti di Pulau Pinang dan satu (1) lokaliti di Kelantan.

Walaupun terdapat penurunan kes denggi ketika ini, pihak masyarakat tidak boleh leka. Ini kerana Jabatan Meteorologi Malaysia telah mengeluarkan makluman mengenai Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula pada awal November 2024 hingga Mac 2025. Semasa MTL, negara dijangka akan

mengalami peningkatan hujan, yang berpotensi meningkatkan banyak kawasan air bertakung yang sesuai untuk pembiakan nyamuk *Aedes*. Oleh itu, penting bagi pihak masyarakat untuk sentiasa melakukan langkah pencegahan seperti membersihkan kawasan sekitar dan memastikan tiada bekas atau kawasan air bertakung. Lakukan aktiviti Cari dan Musnah sekurang-kurangnya 10 minit setiap minggu. Di samping itu, pihak masyarakat juga digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong bersepadu di kawasan kejiranan masing-masing. **Tiada *Aedes*, tiada denggi.**

DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
8 NOVEMBER 2024